

INTEGRITI

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

PIBK

PEMBANGUNAN INTEGRITI
BERSAMA KOMUNITI



1 MEKANISME INTEGRITI

Integrity telah membangunkan beberapa mekanisme untuk membantu organisasi merangka, melaksana dan memantau pelan integrity masing-masing.

Integrity Assessment Tool

IAT adalah berdasarkan rangka kerja CISM yang dijadikan contoh untuk mendukung inisiatif integrity korporat dalam meningkatkan tadbir urus korporat. IAT digunakan untuk menilai keadaan integrity dengan mengenal pasti jurang dan halangan yang dihadapi oleh organisasi bagi mencapai standard etika yang tinggi.

IAT

Malaysian Integrity Profile

Untuk mengenal pasti kecenderungan seseorang individu sama ada tetap konsisten untuk jujur dalam setiap tindakan, mempunyai nilai dan prinsip di samping untuk menilai profil atau kecenderungan individu untuk terlibat dalam tingkahlaku yang tidak produktif.

MIP

Plan Integrity Organisasi

Pelan ini mengariskan pernyataan masalah, melalui pendekatan dan program yang berkaitan dengan semua aspek dalam memperbaiki jurang seperti pelaksanaan tugas dan penyampaian perkhidmatan.

PIO

Pemantauan/penilaian

Bertujuan memantau, mengukur dan menilai kemajuan inisiatif Pelan Integrity yang dilaksanakan oleh Syarikat dan/atau agensi. Menggunakan rangka kerja sistem pengurusan berasaskan hasil, 'monitoring dashboard' yang tertumpu kepada hasil dan impak setiap aktiviti program.

Monitoring Dashboard

Pembangunan Integrity Bersama Komuniti

PIBK adalah satu pendekatan yang melibatkan pembelajaran mengenai keperluan pelanggan, cabaran penyampaian perkhidmatan, menyokong masyarakat dan syarikat untuk menjayakan inisiatif integrity bagi penyelesaian yang praktikal, dan pemantauan berterusan serta penyampaian perkhidmatan.

PIBK

PEMBANGUNAN INTEGRITI BERSAMA KOMUNITI (PIBK)

Pembangunan Integrity Bersama Komuniti adalah pendekatan untuk memperbaiki sistem penyampaian melalui penglibatan komuniti atau pekerja syarikat berdasarkan prinsip pembudayaan integrity.

Ianya juga adalah pendekatan secara kolaborasi antara rakyat/pekerja dengan organisasi (Kerajaan/swasta) dengan memulakan inisiatif mereka sendiri. Dalam erti kata lain, ia adalah pendekatan proaktif yang timbul daripada rakyat/pekerja terhadap isu peningkatan kualiti perkhidmatan.

2 OBJEKTIF PENDEKATAN PIBK

Objektif pendekatan PIBK adalah seperti berikut:

- Mengukur keberkesanan peranan pihak-pihak berkepentingan, di bawah pendekatan PIBK dalam menjamin perkhidmatan berkualiti.
- Mengenal pasti satu formula berdaya maju bagi meningkatkan integrity perkhidmatan awam yang menekankan aspek membina keupayaan (*building capability*), meningkatkan tahap responsif (*responsiveness*) dan menambah baik akauntabiliti dan ketelusan (*accountability and transparency*).
- Mewujudkan satu mekanisme pengukuran yang baharu bagi agenda integrity negara, yang selari dengan pendekatan *Fix-Rate*.
- Meneroka usaha sama alternatif untuk memandu pihak-pihak berkepentingan dalam pelaksanaan PIN fasa ketiga yang bertemakan Merakyatkan Agenda Integrity sebagai alternatif kepada Indeks Persepsi Rasuah (CPI).
- Membangunkan satu persekitaran kehidupan yang lebih berkualiti bagi rakyat Malaysia, khususnya penduduk setempat.
- Memantapkan keupayaan Malaysia dan INTEGRITI secara sistematik dan berfasa dalam meneraju agenda integrity.

PIBK juga bertujuan memperkukuh akauntabiliti, kompetensi, etika dan jaminan bahawa rakyat lebih bersedia untuk:



3

PROSES PELAKSANAAN PIBK

Pendekatan PIBK akan berjaya dan berkesan dari segi kos bagi meningkatkan kualiti program awam dan swasta.

Kaedah kolaboratif ini menggabungkan lima prinsip teras:

- (i) Analisis Kepekaan konteks
- (ii) Pembelajaran Bersama
- (iii) Pengumpulan Keterangan
- (iv) Penglibatan Membina
- (v) Melengkapkan Kitaran

1 Analisis Kepekaan Konteks

- Analisis Konteks dan Pihak Berkepentingan
- Penglibatan Komuniti
- Mewujudkan Garis Dasar

2 Pembelajaran Bersama

- Mengetahui Pasti Pemantau Komuniti
- Melatih Pemantau Komuniti
- Kumpulan Kerja Bersama (JWG)
- Memilih Projek Pembangunan untuk Dipantau

3 Pengumpulan Keterangan

- Pengumpulan, Analisis dan Pengesahan Data

4 Penglibatan Membina

- Berkongsi Dapatan
- Mengetahui pasti penyelesaian dan menyokong perubahan

5 Melengkapkan Kitaran


- Pembetulan Masalah & Sokongan
- Pembelajaran & Penilaian Impak

4

FIXED RATE (KADAR PEMBETULAN)

Kadar pembetulan adalah peratusan masalah yang dikenal pasti yang berjaya diselesaikan.

Sebagai contoh, jika pasukan pemantau komuniti mendapati terdapat masalah dalam 10 projek dan menyelesaikan enam daripadanya, maka mereka mencapai kadar pembetulan sebanyak 60 peratus. Jika mereka menyelesaikan hanya dua daripada sepuluh masalah, mereka mencapai kadar pembetulan sebanyak 20 peratus.



5

IMPAK DAN MANFAAT PIBK

PIBK telah mendatangkan kelebihan dan faedah kepada banyak pihak-pihak berkepentingan iaitu Agensi Kerajaan, kontraktor dan penduduk setempat dari segi:

- Kadar penyelesaian masalah/aduan atau Fix-Rate tinggi
- Isu atau aduan diselesaikan dengan pantas
- Kualiti perkhidmatan bertambah baik
- Penduduk bertindak sebagai 'mata dan telinga' bagi Agensi Kerajaan dan kontraktor
- Penglibatan bersama yang konstruktif oleh penduduk atau orang ramai
- Persepsi orang ramai ke atas perkhidmatan Agensi Kerajaan bertambah baik
- Mengelak ketirisan, menjimatkan wang rakyat
- Kerjasama penduduk dan kontraktor semakin akrab
- Integriti dan akauntabiliti Agensi Kerajaan dan kontraktor bertambah baik
- Kualiti kehidupan rakyat bertambah baik

6

SIAPAKAH YANG AKAN MENDAPAT MANFAAT DARIPADA PIBK?



Jika anda ingin mengetahui lebih lanjut mengenai program PIBK, sila hubungi kami di:

Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI)
 Menara Integriti, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
 off Jalan Tuanku Abdul Halim
 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
 Tel: (603) 6209 2000 Faks: (603) 6203 1005
 emel: integriti@integriti.my Laman web: www.integriti.my

